

Perihal lelaki cantik



DUNIA
BAHARU 2022
DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

Pada suatu hari, ketika berumur 14 atau 15 tahun, saya bersalam dengan seorang pak cik yang merupakan sahabat keluarga. “Amboi, lembutnya tangan Budi ni,” katanya.

Walaupun dia sekadar mengusik tetapi saya sangat terkesan dengan kata-kata itu. Kecewa. Sebagai lelaki saya tidak suka dikatakan memiliki tapak tangan yang lembut kerana seorang lelaki sebenar sepatutnya mempunyai tapak tangan yang keras dan kasar.

Disebabkan kata-kata itu, saya menjadi semakin rajin melakukan kerja-kerja kasar sama ada sebagai sebahagian daripada aktiviti kepengakapan atau sekadar mencari wang saku. Kadang-kadang saya sengaja mengangkat benda-benda berat yang ada di sekitar rumah. Tujuannya sama, supaya tapak tangan menjadi lebih keras dan kasar.

Seorang sahabat pena saya pernah bercerita tentang budak lelaki kawan sekelasnya semasa di sekolah rendah

yang sering diejek oleh rakan-rakan sebab dia suka pakai bedak dan minyak wangi.

Itulah cara hidup zaman saya dan tentu juga era sebelumnya. Lelaki sejati sentiasa mengelak daripada disekutukan dengan apa sahaja yang mempunyai kaitan dengan perempuan. Ia bukan sahaja dalam hal lembut lembai, halus mulus dan gebu gebas, tetapi juga segala sesuatu yang lain.

Pada era itu orang lelaki jangan cuba -cuba bercerita pasal penjagaan muka, kulit dan sebagainya. Baru buka mulut sahaja akan kena gelak, kemudian tujuh keturunan akan diungkit.

Pengecualian mungkin ada bagi kumpulan-kumpulan terpencil. Misalnya, puak Wodaabe, kumpulan nomad yang tinggal di sekitar Niger, Cameroon, Nigeria dan Chad di Afrika. Kaum lelaki daripada suku kaum itu sanggup menghabiskan masa berjam-jam untuk berbandan dan bersolek kerana itulah cara mereka menarik perhatian kaum wanita.

Tetapi di kebanyakan tempat lain, terutamanya kita di sini, perbuatan begitu bukan sahaja di luar kebiasaan, malah dianggap pelik. Tak ramai rasanya orang sudi bermenentukan lelaki yang asyik membelek rambut dan bermain losyen. Pada zaman ‘now’ semua itu menjadi sejarah. Dunia baharu menaksirkan kaum lelaki berlumba-lumba

menjaga kecantikan diri. Malah ramai daripada mereka yang lebih beria-ia dalam hal ini berbanding perempuan.

Saya tak fikir Almarhum Mat Kilau, Hang Tuah, Tun Perak, Parameswara atau sesiapa juga sebelum mereka pernah terbayang yang suatu masa anak cucu mereka yang lelaki akan bersembang-sembang dengan lelaki lain tentang produk *skin care* dan *body care*, bukannya tentang keris, lembing atau pedang.

Satu laporan oleh Grandview Research yang berpangkalan di Amerika Syarikat menunjukkan pasaran produk penjagaan diri lelaki di seluruh dunia meningkat daripada AS\$11.65 bilion pada tahun 2019 kepada AS\$12.34 pada tahun 2020. Ia menjangkakan angka itu akan melonjak kepada RM18.93 bilion pada tahun 2027.

Ledakan ini berlaku di mana-mana, merentas sempadan geografi dan budaya. Sekarang ini tidak ada lagi pelik melihat lelaki membawa beg kecil berisi peralatan penjagaan diri. Tidak siapa lagi akan terjeling-jeling dan tersenyum-senyum melihat seorang atau beberapa orang lelaki lain menyapu *foundation* ke muka dan mengilatkan kuku di depan khalayak.

Sama ada di media baharu atau media konvensional, produk-produk penjagaan diri lelaki dipasarkan dengan

meluas oleh lelaki-lelaki yang tidak lagi kekok bercakap tentang krim pemutih, krim pelembap, *body scrub* dan lain-lain. Di luar sana pula salun-salun penjagaan diri untuk lelaki sedang tumbuh dengan galaknya.

Adalah silap kalau mengaitkan penjagaan diri dalam kalangan lelaki ini dengan unsur-unsur kelembutan atau ‘kesotongan’. Tidak. Ramai dalam kalangan lelaki yang mengambil berat soal penjagaan diri ini adalah mereka yang tidak kurang sedikit pun kejantananannya dari suara sehinggalah sosok badan. Yang lengannya sekeras kayu jati dan yang penamparnya sebesar pinggan pun ada.

Persoalan yang mungkin timbul ialah kenapa fenomena ini berlaku? Apa puncanya? Adakah lelaki telah bosan dengan dunianya sendiri, maka itu mereka mula meneroka dunia lain yang kebetulan lebih dahulu diterokai oleh wanita?

Tidak mudah untuk menjawab soalan itu. Sama jugalah dengan tidak mudah untuk mencari sebab kenapa ada perempuan berasa hebat bila berperangai macam jantan. #dush!

** Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi ialah Setiausaha Politik. Mulai 2022 menulis mengenai pengurusan perubahan.*

Malaysia: Apakah aku mencintaimu?



MAAF
CAKAP
NORDEN MOHAMED

‘Do you love me?’ Itulah soalan yang kerap ditanya oleh seorang gadis kepada pacarnya. Ia adalah soalan yang mengharap jawapan ‘Iya’ daripada sang pria.

Andai jawapannya seperti yang diharapkan, maka gembiralah si gadis setelah memperoleh kepastian. Sukalah si jejaka kerana membikin pasangannya bahagia.

Soalan ‘apakah kau sayangi daku’ itu biasa ditanya oleh seseorang yang mengharapkan jawapan yang mengundangkan kepastian. Si mama akan bertanya si anak, atau si adik akan bertanya kakaknya. Pengakuan ‘aku sayang padamu’ adalah kenyataan yang lahir daripada emosi. Kerana emosilah seseorang itu mampu melakukan yang luar biasa demi yang disayangi, sebagaimana metafora ‘lautan api sanggup kurenangi.’

Bagaimanapun, apakah agaknya jawapan kita seandainya negara mem-

punyai suara lalu bertanya ‘apakah awak cintakan saya?’ Ramai dalam kalangan kita yang mampu menjawabnya tanpa ragu-ragu, malah siap dengan menunjukkan bukti kecintaan mereka.

Anggota tentera yang berkorban nyawa di hutan belantara, anggota polis yang sentiasa dibayangi ajal kerana membanteras penjenayah, kalangan guru yang sanggup ke pedalaman negeri untuk mendidik dan juga ekspatriat yang pulang dari luar negara untuk berkhidmat di negara sendiri adalah di antara mereka yang mampu mengaku ‘aku cintakan negaraku’ dengan bukti tindakan masing-masing.

Malah, ramai dalam kalangan warganegara yang berusia sebaya atau lebih tua daripada negara, tidak kira apa pun bangsa boleh berkata dengan bangganya bahawa ‘kami cintakan kau, Malaysia.’ Sebabnya, ada yang pernah merasa penangan penampar Jepun atau trauma kerana ada anggota keluarga yang disembelih komunis. Mereka serik dijajah.

Mereka bersyukur sangat apabila kita dapat merdeka dan mengibarkan Jalur Gemilang. Mereka melihat kemajuan dan pembangunan negara dengan hasil mahsul dari bumi seperti bijih timah, bijih besi dan bauksit.

Mereka tahu betapa negara mendapat hasil eksport getah dan kelapa sawit dan pernah menjadi negara pengeluar terbesar dunia untuk tanaman-tanaman ini. Segala-galanya berubah dan menjadi baik di depan mata. Semakin sehari Malaysia yang dicintai kian makmur.

Namun, bagi anak-anak pasca merdeka, apa yang membuatkan mereka cintakan negara ini? Benar, sebahagian besar daripada mereka menyanyikan *Negaraku* di sekolah dan dipupuk semangat oleh para guru agar cintakan negara. Tetapi di luar sekolah, mereka tidak nampak itu.

Malah di rumah sendiri rata-rata dalam kalangan ibu bapa, mereka tidak mengasuh anak-anak cintakan negara. Maaf cakap...termasuk kita yang membaca ini.

Pada suatu ketika dahulu, kita berbangga menjadi rakyat Malaysia kerana kehebatan individu-individu yang merangkul pencapaian besar. Datuk Azhar Mansor adalah anak Malaysia pertama yang mengelilingi dunia secara solo. Kemudian kita ada Datuk Malik Mydin yang berjaya berenang merentasi Selat Inggeris.

Kita juga berbangga dengan Datuk M Magendran dan N Mohandas yang menawan puncak Everest. Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor pula adalah

angkasawan Malaysia yang pertama dan bangga dengan Dr Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir yang pernah merentas kutub utara dan kutub selatan. Untuk mencintai negara, kita mesti mempunyai perasaan bangga terhadapnya.

Apakah elemen yang boleh menjadikan kita berbangga menjadi rakyat Malaysia? Kejayaan. Kejayaan mereka yang membawa Jalur Gemilang itulah yang menaikkan semangat kita.

Meskipun sedikit, namun madailah anak-anak kita meremang bulu roma menyaksikan kejayaan mereka yang merangkul pingat dalam arena sukan seperti dalam Sukan Komanwel baru-baru ini.

Ini sahajalah peluang kita melaung ‘Malaysia Boleh!’ atau menyanyikan lagu *Saya Anak Malaysia* bersama-sama sebagai warganegara Malaysia. Selain daripada situasi itu, kita tiada peluang untuk berasa bangga. Tidak terfikirkah bahawa kita sebenarnya sudah miskin semangat?

Jangan tanya pula apa pentingnya semangat itu, sebab itu menandakan kita sudah papa perasaan!

** Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*